

20 terbaik Asia sasaran UPM

Universiti mantapkan pengurusan untuk jadi pusat kecemerlangan pertanian

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) komited dalam usaha memantapkan pengurusan berkualiti dalam setiap aspek termasuk proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta perkhidmatan bagi memastikan universiti itu sentiasa berada di hadapan dalam merencanakan agenda pertanian negara.

Naib Canselornya, Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata tumpuan utama pastinya kepada usaha merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan UPM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pertanian.

Katanya, penekanan turut diberikan kepada matlamat yang digariskan dalam Pelan Strategik UPM 2001-2010, sekali gus membawa UPM ke arah universiti bertaraf dunia.

Berdasarkan kajian Times Higher Education 2005, UPM perlu berada dalam lingkungan tangga ke-80 teratas di peringkat dunia bagi men-

“ Sambutan Jubli Intan ini adalah satu penghargaan kepada seluruh kakitangan dan warga UPM terdahulu dan kini yang mencurahkan segala keringat bakti yang membawa UPM ke tahap sekarang”

Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah
Naib Canselor UPM

capai kedudukan 20 universiti terbaik di Asia.

“Walaupun kedudukan itu bukan perkara yang mudah, tetapi tidak mustahil dan insya-Allah mampu dicapai UPM dengan kerja keras dan sokongan padu warga UPM khasnya,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran sambutan Jubli Intan 75 Tahun UPM di kampus UPM, semalam.

Majlis pelancaran sambutan disempurnakan Pro Canselor UPM, Tan Sri Thong Yaw Hong yang turut sama melancarkan lagu dan maskot sambutan iaitu Palma Serdang, buku bertajuk Serdang Story dan Muzium Konservatorium UPM.

Palma Serdang dipilih sebagai maskot sambutan kerana ia begitu sinonim dengan UPM sejak dari awal penubuhannya selain turut dikaitkan dengan asal usul nama Serdang.

Malah palma itu juga melambangkan ciri-ciri keteguhan, ketegasan dan keteduhan yang merupakan aspek penting UPM sebagai institusi pendidikan tinggi.

Menurut Nik Mustapha lagi, perkembangan pendidikan dan kemajuan yang dicapai UPM masa kini tidak dicapai dengan jalan mudah, sebaliknya pelbagai rintangan terpaksa ditempuh bagi meletakkan UPM sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan yang disegani.

“Malah, sambutan ini juga diharap dapat menyuntik semangat baru warga UPM untuk menterjemah segala perancangan dan matlamat UPM menjadi realiti,” katanya.

Katanya, pelbagai program diatur sepanjang sambutan yang bertemakan Berilmu Berbakti antaranya, Kejohanan Cyclethon peringkat institusi pengajaran tinggi awam (IPTA); Persidangan Antarabangsa, Sastera dan Budaya Melayu ke-11; Kejohanan Sukan Staf Antara IPTA; syarahan umum Nohel Laureate konvokesyen



AFFENDI MOHAMED | BERITA HARIAN

LANCAR: Thong' meletakkan tapak tangan pada plak plasma sebagai simbolik perasmian sambutan Jubli Intan 75 Tahun UPM sambil disaksikan Dr Nik Mustapha (tengah) dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa, Prof Madya Dr Azali Mohamad di Serdang, semalam.

komemoratif dan Kongres Pertanian 2006.

Mengenai penubuhan Muzium Konservatorium UPM, beliau berkata muzium itu berperanan sebagai

pusat pengumpulan spesies indigenus dan eksotik yang pertama di Malaysia.

“Selain itu, muzium seluas dua hektar yang terletak dalam kawasan

Institut Biosains, UPM turut memainkan peranan sebagai pusat penyelidikan dan pembelajaran tanaman herba kepada masyarakat umum.” katanya.